

**Perkasa Kelantan Buat Laporan Polis Isu Hina Raja Melayu
Bernama
15 April , 2012**

KOTA BAHARU, 15 April (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Kelantan bersama 20 badan bukan kerajaan (NGO), hari ini membuat laporan polis berhubung tindakan beberapa pemimpin pembangkang mengejek serta menghina Raja-Raja Melayu ketika istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara, baru-baru ini.

Timbalan Yang Di-Pertua Perkasa Kelantan, Mohd Fauzi Mohamad berkata, langkah itu diambil pihaknya berikutan laporan yang dibuat seorang pegawai perubatan, Dr Rahman Kadir yang tidak mendedahkan sepenuhnya kenyataan beliau berhubung isu berkenaan.

"Kita mengambil langkah ini berdasarkan laporan yang dibuat Dr Rahman yang mengatakan bahawa ada perkara-perkara yang tidak tergamak ditulis oleh beliau kepada umum.

"Jadi kita mengharapkan pihak polis membuat siasatan apakah perkataan dan tingkah laku yang beliau tidak dapat beritahu itu," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis di Balai Polis Kota Baharu.

Dr Rahman dalam laman sosial Facebooknya seperti dilaporkan akhbar baru-baru ini, menzahirkan rasa kecewa terhadap perbuatan biadap beberapa pemimpin pembangkang yang mengejek serta mempersenda bentuk badan pemimpin kerajaan dan Raja-Raja Melayu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659141>